



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MESYUARAT MAJLIS KESELAMATAN MAKANAN DAN PEMAKANAN KEBANGSAAN KEENAM BELAS (MKMPK-16)**

---

Mesyuarat Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan Keenam Belas (MKMPK-16) telah diadakan di Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada 11 April 2023 (Selasa).

Mesyuarat MKMPK-16 yang dipengerusikan oleh saya, turut dihadiri oleh YB Timbalan Menteri Kesihatan, 18 wakil Kementerian/Agensi dan 4 wakil pertubuhan bukan kerajaan iaitu Persekutuan Pekilang-Pekilang Malaysia (FMM), Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) dan Persatuan Kajian Obesiti Malaysia (MASO).

Dalam mesyuarat ini, satu usul telah dibentangkan bagi melaksanakan Pensijilan Makanan Selamat KKM sebagai Syarat Perkhidmatan Pembekalan Makanan Semasa Mesyuarat dan Majlis Rasmi di semua Fasiliti Kementerian di Putrajaya. Perkara ini perlu diperhalusi sebelum tindakan selanjutnya dilaksanakan.

Mesyuarat turut dimaklumkan mengenai Dasar Keselamatan Makanan Kebangsaan, sistem pemantauan secara dalam talian bagi Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia (MS-NPANM), pelaksanaan perjanjian peringkat ASEAN berkaitan pemeriksaan dan pensijilan bagi produk makanan, pewartaan akuan nutrien baharu bagi asid lemak trans dan akuan fungsi baharu

bagi antioksidan daripada minyak sawit serta komitmen Industri dalam penghasilan produk makanan dengan pilihan lebih sihat.

Selain itu, mesyuarat dimaklumkan bahawa pihak KKM telah menghasilkan Pelan Strategik Mengurangkan Gula dalam Kalangan Rakyat Malaysia (2023-2025), yang akan melibatkan tindakan multi-sektoral.

Mesyuarat ini akan dijadikan platform yang tepat untuk perbincangan dan penyelarasan aktiviti bagi menangani isu-isu terkini keselamatan makanan dan pemakanan untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan bagi kesejahteraan rakyat Malaysia MADANI.

**DR. ZALIHA MUSTAFA**  
**MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**  
**12 APRIL 2023**